



ACADEMY OF MEDICINE
SINGAPORE



CHAPTER OF GASTROENTEROLOGISTS
COLLEGE OF PHYSICIANS
SINGAPORE

APRIL 2020

SOALAN LAZIM

SOALAN LAZIM COVID-19 UNTUK PESAKIT INFLAMMATORY BOWEL DISEASE (IBD) DI SINGAPURA

COVID 19 adalah penyakit yang disebabkan oleh coronavirus, yang baru-baru ini dinamakan SARS-CoV-2 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pada manusia, kebanyakan pesakit akan mengalami gejala ringan seperti batuk dan pada minoriti pesakit, ianya boleh mengakibatkan kegagalan paru-paru dan kematian yang parah. Anda boleh terkena virus dari seseorang yang telah dijangkiti melalui hubungan rapat, atau melalui titisan jika orang yang dijangkiti itu batuk atau bersin. Mungkin juga virus itu boleh tersebar melalui sentuhan dengan permukaan yang terkontaminasi seperti meja.

Kami menghargai kebimbangan anda mengenai IBD dan COVID19. Kami berharap bahawa FAQ ini dapat membantu menjawab beberapa soalan yang anda mungkin ada.

Apa yang boleh saya lakukan untuk melindungi diri saya?

1. Selaras dengan khidmat nasihat Kementerian Kesihatan Singapura (MOH), pengasingan sosial perlu diamalkan oleh semua orang. Di larang sebarang perhimpunan sosial tidak kira saiz.
2. Senantiasa berada di rumah.
3. Keluar rumah anda hanya untuk sebab-sebab tertentu (misalnya kerja, belanja untuk bahan makanan).

4. Ketika anda berada diluar persekitaran, langkah jarakan selamat sekurang-kurangnya 1 meter pada seseorang harus dipatuhi.
5. Gunakan pelitup sekiranya anda harus keluar rumah.
6. Elakkan mempunyai tetamu datang ke rumah anda.
7. Basuh tangan anda selama sekurang-kurangnya 20 saat dengan sabun dan air. Gel sanitiser mudah alih yang mengandungi alkohol adalah alternatif yang sesuai.
8. Jangan sentuh muka anda dengan tangan yang tidak dicuci.

Adakah saya mempunyai risiko jangkitan COVID19 yang lebih tinggi?

- Imunomodulator atau biologi mengubah cara sistem kekebalan tubuh anda berfungsi. Ini bermakna anda mungkin berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang lebih teruk jika anda dijangkiti. Ini bermakna anda perlu mematuhi langkah-langkah kebersihan untuk melindungi diri anda.

Haruskah saya terus mengambil 5 aminosalicylates (Sulfasalazine, Pentasa, Salofalk, Octasa, Azacol)?

- Ya. 5 ASA sangat selamat dan tidak diketahui bahawa ia akan menurunkan sistem imuniti pesakit. Tiada data untuk menunjukkan bahawa 5 ASA meningkatkan risiko jangkitan atau komplikasi COVID19.

Haruskah saya terus mengambil steroids (prednisolone, budesonide), immunomodulators (azathioprine, mercaptopurine, methotrexate), biologics (infliximab, adalimumab, golimumab, vedolizumab, ustekinumab) or tofacitinib?

- Ya. Kebanyakan pesakit dalam rawatan IBD harus terus mengambil ubat mereka untuk mencapai atau mengekalkan peringkat remisi/beda. Adalah penting untuk anda kekal sihat dalam tempoh ini, termasuk pengawalan yang baik terhadap IBD dengan ubat-ubatan.
- Jika anda berhenti mengambil ubat, anda mungkin berisiko menghadapi keadaan IBD yang lebih teruk hingga memerlukan penggunaan ubat-ubatan lain seperti steroid. Ini mungkin membawa kepada risiko komplikasi yang lebih tinggi, termasuk COVID19.
- Walau bagaimanapun, jika anda mengesyaki bahawa anda mempunyai jangkitan COVID19, atau telah bersentuhan dengan pesakit COVID19, anda harus mendapatkan nasihat perubatan dari ahli Gastroenterologi anda.
- Sekiranya anda memerlukan pengambilan infusi untuk biologic, klinik dan hospital telah diubah suai untuk meminimumkan risiko mendapatkan jangkitan. Pekerja

penjagaan kesihatan terus mengamalkan keutamaan kebersihan dan mempraktikkan perlindungan diri yang tinggi apabila mengendalikan biologi.

Haruskah saya terus melawat ahli gastroenterologi saya?

- Ya. Lawatan berjadual adalah penting untuk mengekalkan kawalan IBD anda. Semasa lawatan, ujian darah yang berkaitan mungkin dilakukan untuk memeriksa keadaan penyakit IBD dan komplikasi yang berpotensi dari ubat IBD.
- Bincang dengan ahli Gastroenterologi anda untuk mendapat kepastian sama ada berkonsultasi melalui telefon & penghantaran ubat-ubatan ke rumah adalah alternatif yang sesuai untuk menguruskan IBD anda.

Saya mempunyai simptom COVID19, apa yang perlu saya lakukan?

- Gunakan pelitup untuk menghadkan penyebaran titisan.
- Dapatkan rawatan perubatan doktor penjagaan kesihatan utama anda yang akan membuat penilaian gejala anda dan melakukan penilaian lanjut sekiranya.
- Jangan berhenti mengambil ubat-ubatan anda tanpa berunding dengan Gastroenterologist anda.

Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya keadaan IBD saya semakin teruk?

- Hubungi ahli Gastroenterologi anda untuk mendapati nasihat yang selanjutnya.

COVID19 dijangka akan berlarutan sehingga akhir tahun 2020 dan kemungkinan lebih lama lagi. Anda perlu menjaga diri anda dan terus menjalani rawatan perubatan untuk memastikan keadaan IBD anda terkawal.

Memandangkan situasi terkini agak dinamik, kami menasihatkan anda agar terus mengambil tahu akan perkembangan terkini dan dapatkan penjelasan perubatan sekiranya ada sebarang ketidakpastian.

ANTARA SUMBER TALIAN BERGUNA

1. Crohn's & Colitis UK: <https://www.crohnsandcolitis.org.uk/news/coronavirus-covid-19-advice>
2. Crohn's & Colitis Foundation:
<https://www.crohnscolitisfoundation.org/coronavirus/what-ibd-patients-should-know>
3. Kementerian Kesihatan Singapore (COVID19): <https://www.moh.gov.sg/covid-19>

JAWATAN KUASA PENULISAN

Jawatan Kuasa Penulisan [Chapter of Gastroenterologists, College of Physicians, Singapore] (Mengikuti Abjad)	
(1) Dr Marion Aw	Associate Professor, Department of Paediatrics, National University of Singapore. Senior Consultant, Dept of Paediatrics, Khoo Teck Puat-National University Children's Medical Institute, National University Health System
(2) Dr Webber Chan	Consultant, Department of Gastroenterology and Hepatology, Singapore General Hospital
(3) Dr Chen Weihao	Consultant, Department of Gastroenterology, Ng Teng Fong Hospital
(4) Dr Chuah Sai Wei	Consultant Gastroenterologist, Gleneagles and Farrer Park Medical Centres
(5) Dr Juanda Leo Hartono	Consultant, Division of Gastroenterology and Hepatology, University Medicine Cluster, National University Hospital Assistant Professor, Department of Medicine, Yong Loo Lin School of Medicine
(6) Dr Kong San Choon	Senior Consultant and Clinical Lead in Gastroenterology and Hepatology, Department of Gastroenterology and Hepatology, Sengkang General Hospital
(7) Dr Lim Wee Chian	Senior Consultant, Department of Gastroenterology & Hepatology, Tan Tock Seng Hospital
(8) Dr Ling Khoon Lin	Consultant Gastroenterologist, Mount Elizabeth Medical Centre Adj Assoc Professor, Duke-NUS Medical School
(9) Dr David Ong	Head & Senior Consultant, Division of Gastroenterology and Hepatology, University Medicine Cluster, National University Hospital Assistant Professor, Department of Medicine, Yong Loo Lin School of Medicine
(10) Dr Ooi Choon Jin	Consultant Gastroenterologist, Gleneagles and Farrer Park Medical Centres Adj Associate Professor, Duke-NUS Medical School
(11) Dr Shim Hang Hock	Consultant Gastroenterologist, Parkway East Medical Centre
(12) Dr Malcolm Tan	Consultant, Department Gastroenterology and Hepatology, Changi General Hospital

PUBLISHED: APRIL 2020

Chapter of Gastroenterologists
College of Physicians, Singapore
Academy of Medicine, Singapore
81 Kim Keat Road
#11-00 NKF Centre
Singapore 328836